

30/01/1998

Rumah terbuka sempena Aidilfitri di seluruh negara

KUALA LUMPUR, Khamis - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan rumah terbuka sempena Aidilfitri di kediaman rasminya, Sri Perdana pada hari raya pertama esok.

Menurut kenyataan Jabatan Perdana Menteri, beliau akan menerima tetamu dari jam 10 pagi hingga 12 tengah hari, manakala di sebelah petang pada jam 3 hingga 6 petang.

Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim memilih Pusat Dagangan Dunia Putra untuk mengadakan rumah terbuka mulai jam 2.30 petang.

Raja Muda Selangor, Tengku Idris Shah juga berkenan menerima tetamu di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam, esok.

Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar mengadakan rumah terbuka bermula jam 11 pagi di kediaman rasminya, Bukit Megawati, Shah Alam, esok.

Beliau juga akan mengadakan rumah terbuka di Dewan Umno Kuala Selangor pada 7 Februari.

Pemangku Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan, Tunku Naquiyuddin dan isteri, Tunku Puan Muda Nurul Hayati akan menerima tetamu di Istana Besar Seri Menanti pada Hari Raya pertama.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad akan mengadakan rumah terbuka di kediaman rasminya di Jalan Tasek antara jam 10 pagi hingga 1 petang, esok.

Selain menerima pengunjung di rumahnya di Kampung Baru Si Rusa, Port Dickson pada Hari Raya ketiga.

Di TERENGGANU, Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad akan mengadakan rumah terbuka esok di kediaman rasminya, Seri Iman, antara jam 9 pagi hingga 4 petang, manakala pada Hari Raya ketiga beliau yang juga ahli parlimen Chukai akan menerima tetamu di rumah di Kemaman dari jam 9 pagi hingga 4 petang.

Manakala, Ketua Penerangan Umno Pusat, Datuk Dr Yusof Noor akan mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Kampung Air Tawar, Besut, esok.

Sabtu ini, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Idris Jusoh akan menerima tetamu di rumahnya di Kampung Tok Ilas, Jertih, dan Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Dr Tengku Mahmud Mansor mengadakan majlis yang sama di Kem Seri Bari, Merang, Setiu.

Di KELANTAN, Istana Negeri mengadakan rumah terbuka esok bermula jam 10.30 pagi dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat juga mengadakan rumah terbuka dari jam 10 pagi hingga 6 petang di rumahnya di Kampung Pulau Melaka.

Timbalannya, Abdul Halim Abdul Rahman akan menerima pengunjung di kediamannya di Jalan Pantai Cahaya Bulan.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa mengadakan rumah terbuka di kediamannya, Seri Puri di Peringat, dan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapha Mohamed mengadakannya di rumahnya di Jeli, esok.

Di MELAKA, Istana Melaka, kediaman rasmi Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabudin dan kediaman rasmi Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, Seri Bendahara, di Peringgit akan dibuka kepada pengunjung esok.

Abu Zahar juga akan mengadakan rumah terbuka di rumahnya di Merlimau, Ahad ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Mohamed Ali Rustam akan mengadakan rumah terbuka pada Hari Raya kedua di rumahnya di Bukit Katil, Melaka.

Di PAHANG, Menteri Besar Pahang, Tan Sri Khalil Yaakob pula mengadakan rumah terbuka di Dewan Konvensyen Negeri, Jalan Teluk Sisek, esok.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik akan menerima tetamu di kediamannya, Sri Banir, Temerloh pada Hari Raya kedua.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman pula akan mengadakan rumah terbuka satu Februari depan di rumahnya beralamat, A 139, Kampung Selamat, Tanjung Api.

Pada 8 Februari pula majlis sambutan Hari Raya akan diadakan di Rumah Seri Kenangan Tun Razak di Peramu untuk penduduk kawasan parlimen Pekan yang akan turut dihadiri oleh Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Di SARAWAK, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha mengadakan rumah terbuka pada esok dan hari raya kedua di kediamannya di Lot 3501, Tinggian Demak, Jalan Demak, Petra Jaya, Kuching.

Selain itu, beberapa ahli Exco negeri juga mengadakan rumah terbuka di seluruh negara dalam suasana sederhana berikutan kegawatan ekonomi sekarang.

(END)